

BH 011014  
MS 5.

# E-buku bergerak perlahan

» *Pendigitalan bahan bacaan perlu tambah nilai untuk masuk pasaran*

Oleh Siti Haliza Yusop  
shyusop@bh.com.my

**S**ikap penerbit selesa dengan keuntungan penerbitan buku secara konvensional dan kekhawatiran pendigitalan bahan bacaan menjejaskan jualan sedia ada menjadi antara cabaran buku elektronik (e-buku) di sebalik kosnya yang rendah.

Pengarah Urusan Xentral Methods, Faiz Al-Shahab, berkata perjalanan e-buku dalam industri masih jauh sekiranya penerbit tempatan tidak mengambil langkah berani meneroka medium baharu itu.

## Jimatkan kos

Katanya, ada penerbit yang khuatir pendigitalan bahan bacaan akan memperlambatkan jualan buku versi cetak sehingga persepsi itu menyukarkan penembusan medium baharu dalam pasaran buku tanah air.

"Senario semasa menunjukkan e-buku bergerak agak perlahan di negara ini, tetapi dalam jangka panjang, proses pemindahan buku konvensional kepada digital

akan tetap mengambil tempat.

"Memindahkan buku konvensional ke e-buku untuk dijual di laman web tidak memerlukan belanja besar, selain mampu menjimatkan kos kertas dan percetakan," katanya kepada *Sastera BH* di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Bagaimanapun, Faiz mengakui perubahan mengambil masa lama dan tidak boleh dicapai dalam masa dua atau tiga bulan saja.

## Khuatir ketinggalan

"Jika penerbit Malaysia tidak mengambil langkah mendigitalkan kandungan, kita akan ketinggalan berbanding negara lain apabila e-buku mengalami revolusi satu hari nanti," katanya.

Faiz berkata, sebahagian penerbit yang berani mengambil langkah awal, keputusan meneroka penerbitan e-buku membawa impak positif kepada penerbitan mereka.

"Menariknya, maklum balas diterima pada Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) baru-baru ini, pengguna yang sudah membeli e-buku kerana faktor lebih mudah dan cepat, masih mahu mendapatkan versi cetakan sebagai koleksi.

"Pasaran e-buku di negara ini mem-



Faiz Al-Shahab

punyai potensi untuk berkembang seperti dicerminkan daripada perkembangan e-sentral, iaitu portal buku digital terbesar di negara ini yang dikendalikan oleh Xentral Methods yang kini mencatatkan lebih 700 pembelian dalam seminggu," katanya.

Ketika e-sentral baru bermula, mereka terpaksa mencari penerbit yang mahu mendigitalkan kandungan bahan bacaan untuk dimuatkan ke portal itu sehingga pada dua bulan pertama tahun 2011, mereka mengalami kesukaran dan hanya mencatatkan kira-kira 50 urus niaga saja.

## Pangkalan buku AS, Eropah

"Bagaimanapun perkembangan mutakhir menyaksikan e-sentral kini menjadi pangkalan kepada 42,000 e-buku bukan saja daripada Malaysia, bahkan Amerika Syarikat (AS) dan Eropah," katanya.

Mengakui prospek pasaran itu yang luas pada masa hadapan, Faiz menggesa penerbit yang berhasrat menceburkan diri dalam penerbitan e-buku untuk mengambil langkah awal dengan menyediakan bahan digital yang memiliki elemen interaktif, animasi dan multimedia.

"Di luar negara, ia bukan menjadi masalah untuk pembeli membaca e-buku yang tidak banyak berbeza daripada versi konvensional tetapi berbeza di negara ini, pengguna mahukan kelainan dan nilai tambah pada e-buku yang dapat menarik pengguna untuk berbelanja," katanya.